

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 35
No. 25

12hb Disember 1991

TAMBAHAN
No. 12

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 26hb November 1991*).

The International Fund For Agricultural Development Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 26th November 1991*).

Akta Pinjaman (Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 26hb November 1991*).

The Loans (International Fund For Agricultural Development) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 26th November 1991*).

Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 5hb Disember 1991*).

Lembaga Pembangunan Labuan Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 5th December 1991*).

Akta Industri Pelancongan 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 5hb Disember 1991*).

Tourism Industry Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 5th December 1991*).

DR. 41/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG
ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN
PERTANIAN 1991

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Pemberikuasaan Menandatangani Perjanjian.
4. Sumbangan kepada Tabung.
5. Kelulusan Dewan Rakyat mengenai sumbangan tambahan kepada Tabung.
6. Pengeluaran nota tak boleh niaga dan nota tanpa bunga.
7. Pertanggungan bayaran-bayaran lain kepada Kumpulan Wang Disatukan.
8. Penerimaan.
9. Perintah-perintah bagi menguatkuasakan Perjanjian.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian melalui penerimaan Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1991. Tajuk ringkas dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"mata wang boleh tukar secara bebas" ertinya mata wang sebagaimana disifatkan boleh tukar cara bebas menurut Perkara 1(d) Perjanjian;

"Perjanjian" ertinya Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian sebagaimana yang diterima oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian pada 13hb Jun 1976 di Rome, dan di mana satu salinan teks telah dibentangkan di Dewan Rakyat sebagai Kertas Statut Bil. 147 Tahun 1991;

"Tabung" ertinya Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian yang ditubuhkan melalui Perjanjian.

Pemberikuasaan
Menandatangani
Perjanjian.

3. Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui suratcara di bawah tandatangannya, memberi kuasa kepada mana-mana orang sebagaimana yang dinamakan dalam suratcara itu, bagi pihak Kerajaan Malaysia—

- (a) untuk menandatangani Perjanjian itu; dan
- (b) untuk menyimpan di Tabung suatu suratcara penerimaan Perjanjian itu yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah menerima Perjanjian itu mengikut undang-undangnya dan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjalankan semua obligasinya di bawah Perjanjian tersebut.

Sumbangan
kepada
Tabung.

4. (1) Maka hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa bahagian sumbangan Malaysia kepada Tabung menurut seksyen 3 Perkara 4 Perjanjian yang, mengikut seksyen 5 Perkara 4 Perjanjian, kena dibayar dengan mata wang boleh tukar secara bebas atau dengan mata wang Malaysia.

(2) Tertakluk kepada seksyen 5, maka hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan mana-mana bahagian apa-apa penambahan sumbangan Malaysia kepada Tabung sebagaimana yang, menurut seksyen 4 Perkara 4 Perjanjian, kena dibayar dengan mata wang boleh tukar secara bebas atau dengan mata wang Malaysia.

Kelulusan
Dewan Rakyat
mengenai
sumbangan
tambahan
kepada
Tabung.

5. Bila masa juga apa-apa penambahan sumbangan Malaysia kepada Tabung dibenarkan menurut seksyen 4 Perkara 4 Perjanjian, tiada amaun boleh disumbangkan berkenaan dengannya kecuali dengan keiulusan terlebih dahulu daripada Dewan Rakyat, yang ditandakan melalui ketetapan.

6. Menteri Kewangan boleh, bagi pihak Kerajaan, mewujudkan dan mengeluarkan kepada Tabung, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut, apa-apa nota tak boleh niaga dan nota tanpa bunga atau obligasi-obligasi yang seumpamanya sebagaimana yang Tabung boleh—

Pengeluaran nota tak boleh niaga dan nota tanpa bunga.

- (a) menerima daripada Kerajaan sebagai ganti apa-apa mata wang Malaysia yang dibayar atau yang kena dibayar oleh Kerajaan di bawah seksyen 5(b) Perkara 4 Perjanjian atau di bawah seksyen 5(c) Perkara 4 Perjanjian; atau
- (b) menurut seksyen 4 Perkara 4 Perjanjian, memutuskan untuk menerima sebagai ganti apa-apa mata wang Malaysia berhubungan dengan apa-apa penambahan sumbangan Malaysia kepada Tabung.

7. Maka hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan—

Pertanggungkan bayaran-bayaran lain kepada Kumpulan Wang Disatukan.

- (a) semua jumlah wang yang kena dibayar oleh Malaysia kepada Tabung di bawah seksyen 2(b) Perkara 5 Perjanjian (yang berhubungan dengan penilaian mata wang);
- (b) semua jumlah wang yang dikehendaki bagi penebusan apa-apa nota atau obligasi yang diwujudkan dan dikeluarkan kepada Tabung di bawah seksyen 6;
- (c) apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh Malaysia kepada Tabung di bawah seksyen 3 Perkara 9 Perjanjian (yang berhubungan dengan hak dan tanggungjawab Negeri-Negeri yang terhenti menjadi anggota Tabung).

8. Semua wang yang diterima oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia daripada Tabung hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Penerimaan.

Perintah-
perintah bagi
menguatkuasa-
kan Perjanjian.

9. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah membuat apa-apa peruntukan sebagaimana yang difikirkan semunasabahnya perlu bagi menguatkuasakan mana-mana peruntukan Perjanjian berhubungan dengan taraf, kekebalan-kekebalan dan keistimewaan-keistimewaan Tabung dan gabenor-gabenor, pengarah-pengarah eksekutif, anggota-anggota silih ganti, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja masing-masing.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen itu boleh mengisytiharkan bahawa mana-mana peruntukan tertentu dalam Perjanjian hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang di Malaysia.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat undang-undang bagi membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian melalui penerimaan Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian,

2. *Fasal 1* memperuntukkan mengenai tajuk ringkas dan pemakaian Rang Undang-Undang ini.
3. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.
4. *Fasal 3* memperuntukkan pemberikuasaan menandatangani perjanjian.
5. *Fasal 4* menghendaki sumbangan kepada Tabung dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.
6. *Fasal 5* menghendaki apa-apa penambahan sumbangan kepada Tabung terlebih dahulu mendapat kelulusan Dewan Rakyat melalui suatu ketetapan.
7. *Fasal 6* memberi kuasa kepada Menteri Kewangan, bagi pihak Kerajaan, untuk mewujudkan dan mengeluarkan nota tidak boleh niaga dan nota tanpa bunga untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian.

8. *Fasal 7* menghendaki semua pertanggungan bayaran-bayaran lain kepada Tabung dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.

9. *Fasal 8* menghendaki semua penerimaan daripada Tabung dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

10. *Fasal 9* memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan perintah-perintah yang perlu bagi menguatkuasakan Perjanjian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dengan perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya belum dapat ditentukan. [PN. (U²) 1669/1.]